

MESYUARAT MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA DAN BENGKEL PELAN STRATEGIK MALUMNI

Mesyuarat Majlis Alumni Universiti Awam (MALUMNI) telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Senat, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang menjadi tuan rumah bagi penganjuran kali ini, dengan kerjasama urusetia dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Mesyuarat ini dikendalikan oleh Y.Brs. Dr. Hazli Rafis Abdul Rahim selaku Pengarah Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan UTeM, serta dihadiri oleh para pengarah dan pegawai-pegawai dari universiti awam seluruh negara yang merupakan ahli jawatankuasa MALUMNI.

Penganjuran bersama ini bukan sahaja memperlihatkan komitmen bersama dalam memperkukuh jaringan dan peranan alumni, malah mencerminkan semangat kolaborasi erat antara universiti awam dalam merangka hala tuju strategik ke arah kecemerlangan institusi pengajian tinggi negara. Inisiatif ini sekali gus memberi nilai tambah terhadap usaha pemerkasaan alumni sebagai rakan sinergi yang menyumbang secara langsung kepada pembangunan modal insan dan kelestarian universiti.

Mesyuarat dan bengkel yang dijalankan turut dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni UTeM merangkap Pengerusi MALUMNI. Antara fokus utama mesyuarat ini termasuklah perbincangan mendalam mengenai Terma Rujukan (TOR) Majlis serta penetapan hala tuju dan perancangan pelaksanaan program-program strategik bagi tempoh tiga tahun akan datang, dari tahun 2025 hingga 2027. Perbincangan ini bertujuan memperkukuh jaringan alumni universiti awam serta memperkasakan peranan alumni dalam pembangunan institusi pendidikan tinggi negara.



Selain daripada agenda mesyuarat dan bengkel, peserta turut berpeluang menyertai aktiviti santai seperti permainan 'woodball' dan sesi Hi-Tea in the Garden yang berlangsung dalam suasana indah di Tasik Alumni UniMAP. Aktiviti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli, malah memberi ruang untuk pertukaran idea dalam suasana yang lebih santai dan terbuka. Sebagai penutup, mesyuarat bersetuju untuk mencadangkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sebagai tuan rumah bagi mesyuarat akan datang.



SMART RIZQ EDUCATION METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)



Smart Rizq Education, sebuah syarikat swasta yang semakin berkembang dalam bidang pembelajaran inovatif dan digital, hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Sains Malaysia (USM) dalam satu majlis rasmi yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) H21.

Majlis menandatangani MoU ini telah berlangsung antara Timbalan Naib Canselor USM, Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin, Timbalan Naib Canselor BHEPA Universiti Sains Malaysia dan Pengasas juga Pengarah Eksekutif Smart Rizq Education, Puan Nur Izzarul Amira.



Kerjasama strategik ini bertujuan untuk memperkukuh jaringan akademik antara kedua-dua institusi, khususnya menjana kecemerlangan dan kejayaan dalam pendidikan yang bertemakan Empower, Educate, Evolve.



MoU ini memperlihatkan komitmen dalam membina hubungan kerjasama yang erat dengan sektor pendidikan swasta, terutamanya dalam mendepani cabaran transformasi digital dalam pendidikan.



Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha